



Kertas 1

2.1 Maksud Nasionalisme

- 1** Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maksud nasionalisme? **BT m.s. 22 TP1 ARAS : R**
- I Perasaan cinta terhadap bangsa
 - II Penyatuan wilayah sesebuah negara
 - III Penggulingan kerajaan melalui gerakan bersenjata
 - IV Kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penjajah
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- 2** Berikut adalah pendapat seorang tokoh tempatan tentang nasionalisme.

Pendapat tersebut dikemukakan oleh

BT m.s. 22 TP2 ARAS: R

- A** Dato' Onn Jaafar
B Dr. R. Suntharalingam
C Dr. Burhanuddin al-Helmi
D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

- 3 Mengapakah perkembangan nasionalisme yang berlaku di Barat berpunca daripada penentangan terhadap sistem pemerintahan beraja?

BT m.s. 24 TP3 ARAS: S

- I Penindasan terhadap rakyat
II Menggugat kebebasan rakyat
III Mengamalkan penyelewengan
IV Perluasan kuasa menjadi keutamaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 4 Revolusi Amerika (1776) merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British. Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

BT m.s. 25 TP3 ARAS: S

- A Sekatan berpolitik
B Hak penduduk tidak dilindungi
C Tiada perwakilan dalam mahkamah
D Peluang menjawat jawatan kerajaan diketepikan

2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

- 5 Selepas penentangan terhadap pemerintahan Dinasti Manchu, nasionalisme di China berubah kepada anti-Barat. (BT m.s. 26) **TP4** **ARAS: S**

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Menubuhkan parti radikal
B Bekerjasama dengan komunis
C Menentang campur tangan kuasa Barat
D Berusaha mengekalkan budaya tempatan

- 6 Apakah yang membuktikan pengaruh gerakan Pan-Islamisme mendapat sokongan umat Islam khususnya di Tanah Melayu? **BT m.s. 27** **TP3** **ARAS: R**

A Penubuhan madrasah
B Kebangkitan Tok Janggut
C Pembentukan kerajaan Islam
D Keluasan wilayah Islam bertambah

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

- 7 Apakah langkah yang dilakukan oleh Jose Rizal untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina?

BT m.s. 28 TP4 ARAS: S

- A Menubuhkan Liga Filipina
B Bekerjasama dengan kuasa luar
C Berkempen untuk meraih sokongan
D Melancarkan pemberontakan bersenjata

- 8 Apakah matlamat penubuhan Persatuan Belia Buddha oleh golongan kelas pertengahan di Burma pada tahun 1906? **BT m.s. 29** **TP4** **ARAS: S**

A Merancang pemberontakan

- B** Mengekalkan tradisi Buddha
C Menyebarkan pendidikan Barat
D Menamatkan pemerintahan beraja

- 9 Maklumat berikut menunjukkan parti-parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan di Indonesia.

- Sarekat Islam
- Partai Komunis Indonesia
- Partai Nasionalis Indonesia

Apakah persamaan parti-parti politik tersebut?

BT m.s. 30 TP4 ARAS: T

- A Gesaan mempertahankan agama Islam
B Menamatkan pemerintahan beraja
C Membentuk negara republik
D Gerakan secara radikal

- 10 Mengapakah gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan gerakan nasionalisme negara lain di Asia Tenggara? **BT m.s. 31** **TP4** **ARAS: S** **K10N SPM 2022**

A Bersifat antipenajajah

- B** Berjuang mengembalikan hak raja
C Menyekat kemasukan pengaruh luar
D Mempertahankan kedaulatan negara

2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

- 11 Maklumat berikut menunjukkan pemimpin tempatan yang menentang penjajah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

- Penghulu Dol Said
- Dato' Maharaja Lela Pandak Lam
- Dato' Bahaman

Bagaimanakah anda mencirikan gerakan nasionalisme pemimpin tempatan tersebut?

BT m.s. 33 TP4 ARAS: S

- I Bersifat setempat
 - II Menuntut kebebasan
 - III Mendapatkan semula jajahan
 - IV Berjuang mengukuhkan kuasa
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

- 12 Apakah bentuk kritikan yang dikemukakan oleh golongan intelektual Melayu di Sarawak terhadap dasar pemerintahan Brooke melalui akhbar *Fajar Sarawak*?

BT m.s. 34 TP4 ARAS: S

- A Menghalang kemerdekaan
- B Mengabaikan hak penduduk
- C Mengurangkan peruntukan pentadbiran
- D Menentang kemasukan golongan imigran

- 13 Gambar berikut menunjukkan antara faktor yang telah menyemarakkan gerakan nasionalisme di negara kita.

Buku Teks: m.s. 34-35 TP4 ARAS: S KLOK SPM 2021



Novel *Anak Mat Lela Gila*



Maktab Perguruan Sultan Idris

Apakah implikasi daripada perkembangan tersebut?

- A Kekalahan pihak British
- B Kemunduran orang Melayu
- C Kemunculan golongan intelektual
- D Kepincangan dalam sistem pentadbiran

2.7 Perkembangan Nasionalisme

- 14 Gambar berikut menunjukkan seorang tokoh golongan intelektual berpendidikan Inggeris.



Raja Chulan

Apakah pendekatan yang dilakukan oleh beliau dalam menggerakkan semangat nasionalisme di negara kita?

BT m.s. 37 TP4 ARAS: S

- I Berbaik-baik dengan British
 - II Menyalurkan idea melalui akhbar
 - III Menubuhkan madrasah di bandar
 - IV Menubuhkan parti politik berhaluan kiri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 15 Penubuhan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) yang bermula di Pulau Pinang pada tahun 1934 penting kerana menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat.

Bagaimanakah PASPAM merealisasikan matlamat tersebut? BT m.s. 40 TP4 ARAS: S

- A Melancarkan demonstrasi
- B Menerbitkan akhbar dan majalah
- C Menubuhkan institusi pendidikan
- D Menganjurkan persidangan atau kongres

- 16 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA).

Tan Cheng Lock

Apakah tuntutan beliau melalui persatuan tersebut?

BT m.s. 41 TP4 ARAS: S

- A Pemilikan syarikat perniagaan
- B Pemberian taraf kewarganegaraan
- C Peluang dalam perkhidmatan kerajaan
- D Pelaksanaan sistem perundangan Barat

2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

- 17 Penubuhan persatuan kebajikan al-Jamiah al-Khairiah di Singapura merupakan kesan perkembangan nasionalisme dalam bidang ekonomi. Bagaimanakah persatuan tersebut memberikan impak kepada masyarakat Melayu?

BT m.s. 40 TP4 ARAS: S

- I Membangkitkan semangat berniaga
 - II Menulis rencana berkaitan kemajuan
 - III Membuka kawasan perindustrian baharu
 - IV Menyekat penguasaan golongan imigran
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 18 Akhbar *Bulan Melayu* telah diterbitkan oleh guru wanita pada tahun 1930.

Mengapakah penerbitan akhbar tersebut penting kepada perkembangan nasionalisme di negara kita?

BT m.s. 43 TP4 ARAS: S

- A Mengikis sikap malas berusaha
- B Merebut peluang jawatan kerajaan
- C Memuatkan berita pendidikan wanita
- D Menyuarakan kepentingan berdakwah